

27/08/1997

Pembinaan NRIA tidak perlu dipertikai

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SELAIN di Langkawi, Kedah bakal mempunyai sebuah lagi lapangan terbang antarabangsa, iaitu di kawasan tebus guna berhampiran Merbok, dalam daerah Kuala Muda yang dijangka mula digunakan dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) itu bagaimanapun membimbangkan Pulau Pinang kerana ia telah mencadangkan tapak lapangan terbang wilayah utara untuk Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak, di Bertam, Seberang Prai atau Byram, dekat Nibong Tebal.

Ditambah pula dengan laporan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan ditutup secara berperingkat-peringkat dan digantikan dengan NRIA, ramai yang semakin bimbang kerana jika dilaksanakan, negeri itu langsung tidak mempunyai lapangan terbang awam, selain lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di Butterworth.

Berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lapangan terbang baru itu juga adalah untuk Pulau Pinang, Ketua Menterinya, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menarik nafas lega, walaupun ia terus dijadikan isu oleh pembangkang, terutama DAP.

Antara lain, menurut Dr Mahathir, lapangan terbang di Pulau Pinang tidak boleh diperbesarkan kerana tanah yang terhad dan mungkin ditutup secara berperingkat dan dipindahkan ke NRIA.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa pembinaan NRIA di Kedah adalah sebagai jalan tengah selepas cadangan Pulau Pinang tidak dipersetujui oleh Kedah dan Perak.

Berikutan itu, ramai pihak terkejut, khususnya rakyat Pulau Mutiara itu kerana bimbang penutupan lapangan terbang di Bayan Lepas boleh menjejaskan pertumbuhan ekonominya.

Bagaimanapun, kenyataan Tsu Koon dalam persidangan akhbar keesokan harinya melegakan ramai pihak dengan memaklumkan bahawa Dr Mahathir bersetuju dengan cadangan Pulau Pinang bagi membina lebuh raya atau terowong dasar laut bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan NRIA.

Mereka bertambah lega apabila, Dr Mahathir membuat penjelasan lanjut bahawa, lapangan terbang Bayan Lepas sebenarnya tidak ditutup sepenuhnya dan akan dikekalkan untuk perkhidmatan kargo, manakala perkhidmatan penumpang mungkin berpindah ke NRIA.

Tetapi, seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, ia tetap akan dijadikan isu oleh parti pembangkang, terutama DAP. Parti itu yang tewas teruk di Pulau Pinang dalam pilihan raya umum lalu, kini menganggap bahawa kerajaan 'menghadihkan' isu kepada mereka untuk dicanang sebagai bahan pada pilihan raya akan datang.

Justeru, kita berharap pengundi Pulau Pinang kenal antara intan dan kaca kerana jika tersilap membuat pilihan kaca tidak bernilai dibandingkan dengan intan.

Seperkara lagi ialah kedudukan Perak yang bukan sahaja terlepas sebuah lagi lapangan terbang dibina di negeri itu, malah jarak NRIA juga lebih jauh daripada cadangan asal.

Ini kerana Perak mungkin tidak memperolehi manfaat secara langsung hasil pembinaannya NRIA.

Selain Kedah, Perak juga dikatakan tidak bersetuju tapak di Nibong Tebal selepas cadangan di Bertam dibatalkan bagi memberi laluan kepada projek lain.

Sebaliknya, Perak mencadangkan ia dibina di Parit Buntar kerana Nibong Tebal memang sudah hampir dengan Parit Buntar, walaupun walaupun Pulau

Pinang telah mewartakan tapak di Byaram bagi tujuan itu.

Bagaimanapun, kita perlu pasti bahawa kerajaan mempunyai alasan tertentu dalam membuat keputusan dan ia pastinya adalah untuk faedah negara dan tidak perlu dipertikaikan.

Seperti kata Dr Mahathir walau di mana lokasi sesuatu projek itu ia adalah untuk kepentingan negara dan bukan kepentingan pihak tertentu saja.

(END)